



NOTIS SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada **Syarikat-Syarikat Tempatan di Negeri Terengganu** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia berstatus Bumiputera dalam Kod Bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

No. Sebutharga : YPK.TR SH 08/2025
Tajuk Sebutharga : Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentaulliah Komputer (Desktop), Komputer Riba (Laptop) Dan Pencetak (Printer) Serta Kelengkapan IT Bagi Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

Syarat Pendaftaran : Kod Bidang 210101
Tarikh Mula Sebutharga : 19 November 2025
Tarikh Tutup : 26 November 2025

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu bekerja sahaja di Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dengan membawa Sijil Asal Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Asal Akaun Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia & Bumiputera mulai **19 November 2025**. Dokumen Sebutharga dijual dengan harga **RM10.00** dan dibuat bayaran secara Perbankan Elektronik (Eletronic Fund Transfer) ke akaun berikut :

Jabatan : Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
Nama Bank: Bank Islam Malaysia Berhad
No. Akaun : 13017010017508

Bayaran bagi pembelian dokumen sebutharga hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sehari sebelum dokumen diambil dan bukti pembayaran (slip/resit) hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Perolehan melalui aplikasi WhatApps di talian **014 5057677**. Borang sebutharga tidak akan dikeluarkan pada hari sebutharga ditutup.

Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis di sebelah kiri sampul, Tajuk Sebutharga, No.Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat **YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU, JALAN SULTAN OMAR, 20300 KUALA TERENGGANU**

Bagi Borang yang diserahkan melalui **POS**, pohon agar penghantaran dilakukan menggunakan **Pos Akaun Berdaftar**.

Tarikh Tutup Sebutharga **tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh 25 November, 2025**. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

(AHMAD FARIS BIN ABDUL RAZAK)
 PENGARAH
 YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU
 TARIKH : 19 November 2025

s.k : - Papan Kenyataan Pejabat Pentadbiran
 - Papan Kenyataan Pejabat YPK Kawasan
 - Laman Sesawang YPKT